



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 14 FEBRUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERLU KERTAS PUTIH TANGANI MASALAH PADI, BERAS NEGARA, DALAM NEGERI, UM -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PENYELARASAN HARGA LANTAI PADI BAHARU BERI KEUNTUNGAN SEMUA PIHAK, DALAM NEGERI, UM -6	
3.	PESAWAH CADANG BERI INSENTIF BENIH PADI RM300, DALAM NEGERI, UM -6	
4.	HARGA LANTAI BELIAN PADI DISELARASKAN DARIPADA RM1,300 KEPADA RM1,500 SATU TAN MULAI AHAD INI, MUKA DEPAN, BH -1	
5.	PENYELARASAN HARGA LANTAI PADI RM1,500 SATU TAN BERMULA AHAD, NASIONAL, BH -4	
6.	'HARGA BAHARU MASIH TAK MAMPU TAMPUNG KOS', NASIONAL, BH -4	
7.	HARGA PADI NAIK, HARGA BERAS KEKAL, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	
8.	HARGA LANTAI BELIAN PADI RM1,500 MULAI 15 FEBRUARI, NEGARA, KOSMO -1 & 9	
9.	HARGA LANTAI BELIAN PADI DISELARAS RM1,500 SETAN METRIK, LOKAL, HM -21	
10.	HARGA LANTAI PADI NAIK, MUKA DEPAN, SH -1	
11.	PADI SATU TAN DISELARAS RM1,500, BERAS 10kg KEKAL RM26, NASIONAL, SH -2	
12.	SYED MOKHTAR SALUR RM30j BANTU PESAWAH MISKIN -PM, NASIONAL, SH -3	
13.	PESAWAH MOHON TAMBAH INSENTIF RM300, NASIONAL, SH -4	
14.	RETAIL PRICE OF LOCAL WHITE RICE UNCHANGED, FARMERS TO BE PAID MORE, MUKA DEPAN, NST -1	
15.	LOCAL WHITE RICE KEPT AT RM2.60 PER KG, NEWS, NST -6	
16.	GOVT ALLOCATES RM150m FOR RICE STABILITY, SAYS PM, NEWS, NST -6	
17.	PADI FARMERS SAY NEW FLOOR PRICE STILL TOO LOW, NEWS, NST -6	
18.	P-RICE STAYS AT RM2.60, MUKA DEPAN, THE STAR -1	
19.	LOCAL WHITE RICE PRICE STAYS, NATION, THE STAR -6	
20.	SYED MOKHTAR CHANNELS RM30mil IN AID FOR FARMERS, NATION, THE STAR -6	
21.	STRICTER MEASURES TO PROTECT AGAINST LOCAL-IMPORTED RICE MIXING, NATION, THE STAR -6	
22.	RISING COSTS STILL A BURDEN FOR FARMERS EVEN WITH NEW FLOOR PRICE, NATION, THE STAR -6	
23.	PERJUANGAN LPP BERSAMA PELADANG PENUHI KEPERLUAN RAKYAT, HARI ULANGTAHUN LPP, SH -8 & 9	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
24.	KILANG BERAS DARUL NAIM DI KELANTAN BEROPERASI TAHUN INI, NASIONAL, SH -3	LAIN-LAIN
25.	MUHYIDDIN GESA SEDIA KERTAS PUTIH INDUSTRI PADI, BERAS, NASIONAL, SH -3	
26.	HARGA LANTAI SEPATUTNYA RM1,600 -SANUSI, NASIONAL, SH -4	
27.	PERLIS TANAM VANILA TINGKAT EKONOMI PETANI, NASIONAL, BH -19	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

# 'Perlu kertas putih tangani masalah padi, beras negara'

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan digesa menyediakan satu kertas putih khusus untuk mengkaji isu-isu berkaitan industri padi dan beras negara secara menyeluruh.

Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kertas putih itu perlu dilakukan susulan kegagalan pihak kerajaan menyelesaikan isu padi dan beras negara secara keseluruhan.

"Kertas putih ini boleh menjadi panduan komprehensif dalam merangka strategi baharu yang lebih mapan.

"Dengan kajian menyeluruh, kita dapat memastikan ketelusan dalam pengeluaran, pengedaran dan penentuan harga beras tempatan," katanya di sidang Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pengumuman yang

dibuat menteri berkenaan penyelarasan harga lantai padi baharu, dilihat sebagai langkah jangka masa pendek.

"Itu hanyalah penyelesaian jangka pendek yang dijanjikan. Mana boleh begini, sebab itu perlunya kertas putih, hasil daripada itu, kita boleh ambil tindakan," katanya.

Kata beliau, isu ketidakseimbangan pengeluaran antara beras tempatan dan import juga dikatakan antara punca utama kenaikan harga dan pengurangan bekalan di pasaran.

Katanya, terdapat laporan bahawa beras tempatan dicampur dengan beras import, tetapi dilabel sebagai beras import dan dijual pada harga yang lebih tinggi.

"Kertas putih ini bukan sekadar dokumen. Ia perlu menjadi asas kepada dasar baharu yang tegas dan efektif demi menjamin kestabilan bekalan serta melindungi pengguna dan pengeluar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

# Penyelarasan harga lantai padi baharu beri keuntungan semua pihak

Oleh **FATIN NORIZATI MATISA**  
nonizati@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Penyelarasan harga lantai belian padi kepada RM1,500 setiap tan metrik dilihat sebagai langkah bijak untuk menstabilkan pasaran dan memberi manfaat kepada pesawah, pengguna serta rantaian bekalan industri padi dan beras.

Penganalisis Ekonomi dan Transformasi, Dr. Mohd. Zulkufli

Zakaria berkata, keputusan kerajaan menyelaraskan harga lantai ini dapat membantu pesawah memperoleh pendapatan lebih stabil, sekali gus memastikan pengeluaran padi yang berkualiti serta bekalan beras tempatan yang mencukupi.

Katanya, langkah ini dapat membantu pesawah merancang pengeluaran dengan lebih efisien dan memudahkan pengguna dalam merancang perbelanjaan mereka.

"Harga lantai belian yang baharu ini sebenarnya bertujuan untuk menstabilkan harga bagi pesawah dan juga pembeli. Ia membolehkan pesawah dan pengguna merancang dari perspektif pengeluar iaitu pesawah serta pembeli.

"Ia merupakan strategi bijak dalam menghadapi kenaikan kos upah dan kos input pertanian seperti baja dan racun," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam, kerajaan bersetuju menyelaraskan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik yang bermula Ahad ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia mengambil kira kenaikan kos upah dan kos input pertanian.

Mohd. Zulkufli berkata, dengan mengambil kira kos upah dan kos input seperti baja, kerajaan beru-

paya merancang langkah seterusnya untuk membantu pesawah.

"Penyelarasan harga lantai ini sebagai langkah holistik yang mempertimbangkan kepentingan semua pihak dalam rantaian bekalan, dari peringkat pengeluaran hingga pengguna akhir.

"Ini termasuk kemungkinan melaksanakan inisiatif pengurangan kos input jika perlu bagi meringankan beban yang ditanggung oleh petani," katanya.

## Pesawah cadang beri insentif benih padi RM300

**PETALING JAYA:** Kerajaan dicadangkan supaya memberikan insentif harga padi sebanyak RM300 kepada pesawah serta menurunkan harga kawalan benih padi kepada RM35 sebagai tambahan kepada harga lantai padi RM1,500.

Presiden Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, ia mengambil kira peningkatan kos sara hidup, kos diesel, harga benih yang meningkat dan pelbagai cabaran lain dihadapi oleh pesawah dalam usaha memastikan kelangsungan pengeluaran padi negara.

"Kami mencadangkan insentif harga padi sebanyak RM300 diberikan kepada pesawah, sebagai tambahan kepada harga lantai padi RM1,500 yang diumumkan.

"Pada masa sama, kerajaan juga perlu menurunkan harga kawalan benih padi sah daripada RM58 ketika ini kepada RM35 iaitu harga asal benih padi sebelum ini memandangkan harga belian padi telah mengalami penurunan berbanding ketika harga benih dinaikkan pada Mac tahun lalu.

"Ini kerana, alasan harga benih dinaikkan pada waktu tersebut adalah kerana harga belian semasa padi (bukan harga lantai) yang ditawarkan kilang adalah RM1,700," katanya dalam kenyataan semalam.

Kerajaan bersetuju menyelaraskan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik yang bermula Ahad ini.



**ABDUL RASHID YOB**

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia mengambil kira kenaikan kos upah dan kos input pertanian termasuk baja dan racun serta impak kepada kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada harga beras di pasaran.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, subsidi bernilai berbilion ringgit yang diumumkan hanya 20 peratus sahaja yang masuk ke poket petani iaitu dalam bentuk insentif harga padi.

"Subsidi-subsidi lain yang disebut oleh menteri dalam sesi parlimen sebentar tadi dapat kepada pihak vendor yang membekalkan benih, input pertanian dan servis jentera.


"Asas kepada isu subsidi ini sebenarnya adalah harga beras yang sudah 17 tahun tidak dinilai semula dan kerana itulah subsidi bertambah setiap tahun untuk menyerap harga kawalan beras tersebut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2025	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

## Harga lantai belian padi diselaraskan daripada RM1,300 kepada RM1,500 satu tan mulai Ahad ini

Kerajaan peruntuk subsidi RM150 juta kepada pengilang padi untuk memastikan harga jualan Beras Putih Tempatan kekal RM2.60 sekilogram

*Nasional 4*



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

# Penyelarasan harga lantai padi RM1,500 satu tan bermula Ahad

**Jualan beras putih tempatan dikekalkan pada harga RM2.60 sekilogram**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Harga lantai belian padi akan diselaraskan daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan berkuat kuasa Ahad ini.

Pada masa sama, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata harga beras putih tempatan (BPT) di pasaran juga dikekalkan pada RM2.60 sekilogram.

Beliau berkata pengekal harga BPT itu, menyebabkan kerajaan perlu menanggung kos pengeluaran berjumlah RM150 juta bagi tempoh enam bulan ini.

"Dalam tempoh enam bulan ini, sebanyak 24 juta kampil beras 10 kilogram yang berharga RM26 akan berada di pasaran. Pengumuman ini diharap dapat memberikan solusi menangan kepada semua, bermula dari pesawah, pengilang dan seterusnya pengguna."

"Kerajaan mengambil kepentingan semua pihak, terutama penanam padi, pengguna serta pengilang, pemborong dan peruncit. Semua pihak kita harap dapat menikmati hasil daripada pengumuman dibuat kerajaan ini," katanya pada sidang media di Parlimen semalam.

Mohamad berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi oleh pesawah di seluruh negara, memand

dangkan langkah itu akan membantu mereka menambah hasil dan pendapatan bagi setiap musim.

Beliau berkata, KPKM sudah menyediakan pelbagai insentif bagi menyokong usaha pesawah, malah mereka sudah menikmati pemberian subsidi yang dinilai-kannya paling tinggi di ASEAN.

"Usaha ini termasuk pelaksanaan Program SMART SBB, pelaksanaan infrastruktur pengairan dan saliran, galakan penggunaan teknologi, sokongan latihan dan meneruskan penyelidikan dan pembangunan dalam subsektor padi dan beras."

"Program ini berjaya meningkatkan purata pengeluaran padi daripada tujuh tan per hektar kepada 10.45 tan per hektar di beberapa kawasan," katanya.

Dengan penyelarasan terbaru harga lantai padi ini, bermakna dalam tempoh dua tahun ini, Kerajaan Perpaduan sudah menyelaras subsidiya sehingga RM340 satu tan, dengan kenaikan terakhir sebelum ini sebanyak RM140 satu tan.



Mohamad pada sidang media khas penyelarasan harga padi dan beras di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

**Subsidi meningkat**  
Terdahulu ketika menyampaikan penerangan khas berkaitan isu beras dan harga lantai padi di Dewan Rakyat, Mohamad berka-

ta, skim subsidi harga padi (SSHP) bersih sudah meningkat beberapa kali dalam tempoh hampir 50 tahun ini.

"Antaranya pada zaman Men-

teri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, diberi subsidi RM167. Ketika Menteri Kewangan selepas itu, Allahyarham Tun Daim Zainuddin, memberi insentif kenaikan RM81.10. Zaman Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak sebanyak RM51.90, menjadi jumlah subsidiya RM300.

"Zaman (Menteri Kewangan) Lim Guan Eng kenaikannya adalah RM60, menjadikan jumlah subsidi naik kepada RM360. Zaman Datuk Seri Anwar Ibrahim, kenaikan RM140 menjadi, kan subsidi sebanyak RM500," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, Jemaah Menteri minggu lalu juga bersetuju dengan cadangan Kementerian untuk menubuhkan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) yang bertujuan memperkukuh aspek kawal selia dan penguatkuasaan ekosistem agromakanan, termasuk dalam industri padi dan beras.

## Kerajaan sedia subsidi RM150 juta kepada pengilang

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memperuntukkan subsidi sebanyak RM150 juta kepada pengilang padi bagi memastikan penyelarasan harga lantai padi kepada RM1,500 satu tan tidak menjejaskan rakyat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pardana Menteri berkata, langkah itu juga bagi memastikan harga jualan maksimum beras putih tempatan (BPT) kekal pada RM2.60 sekilogram.

"Ini adalah penyelarasan harga lantai belian padi yang kedua dilaksanakan Kerajaan MADA-NI dalam tempoh dua tahun untuk menambah pendapatan pesawah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Anwar berkata, kerajaan pernah mengumumkan penyelarasan pertama pada 2023 selepas hampir 10 tahun harga lantai belian padi kekal pada harga RM1,200.

"Usaha membantu pesawah menjadi antara agenda pertama saya tatkala diberi amanah mengemudi negara," katanya.

Pada masa sama, beliau turut menyatakan penghargaan kepada BERNAS yang telah bersama-sama dengan kerajaan dalam memastikan kebajikan pesawah terbelia.

"Sebelum ini, BERNAS telah menyalurkan RM60 juta kepada pesawah miskin."

"Susulan pengumuman hari ini (semalam), saya telah menghubungi Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary dan Alhamdulillah beliau bersetuju menyalurkan peruntukan tambahan RM30 juta untuk menyokong usaha kerajaan membela nasib pesawah miskin."

"Insya Allah, kerajaan akan menyalurkan peruntukan ini secara terus kepada pesawah-pesawah miskin dalam masa terdekat," katanya.

## 'Harga baharu masih tak mampu tampung kos'

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Persewahan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) menyifatkan penyelarasan harga lantai padi kepada RM1,500 satu tan masih tidak mencukupi untuk menampung kos pengeluaran padi.

Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Yob, dalam kenyataan berkata tuntutan mereka iaitu harga lantai RM1,800 satu tan padi adalah munasabah bagi menampung kos pengeluaran,

terutama diesel dan harga benih.

Justeru, katanya, kerajaan diminta menambah Insentif Harga Padi kepada RM300 dan menurunkan harga kawalan benih padi di pintu kilang kepada RM35 daripada RM59 ketika ini.

Katanya, ia bagi mengimbangi harga lantai baharu RM1,500 yang berkuat kuasa Ahad ini.

"Alasan harga benih dinaikkan pada waktu tersebut adalah ke-

rana harga belian semasa padi (bukan harga lantai) yang ditawarkan kilang adalah RM1,700," katanya.

Beliau mengulas pengumuman Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu semalam mengenai penyelarasan harga lantai padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 satu tan.

PeSAWAH sebelum ini menuntut supaya harga lantai itu di-

naikkan kepada RM1,800 satu tan mengambil kira peningkatan kos sara hidup serta kos diesel dan benih yang meningkat, serta pelbagai cabaran lain yang dihadapi pesawah.

Dalam pada itu, katanya, perkara pokok kepada isu subsidi itu sebenarnya adalah harga beras putih tempatan (BPT) yang sudah 17 tahun tidak disemak semula menyebabkan subsidi perlu ditambah setiap tahun untuk me-

nyerap harga kawalan beras.

Mohamad semalam mengumumkan harga BPT dikekalkan pada RM2.60 sekilogram.

Abdul Rashid juga berkata daripada subsidi selain harga belian yang bernilai berbilion ringgit, sekitar 20 peratus sahaja yang diperolehi pesawah manakala yang lain diperolehi vendor yang membekalkan benih, input pertanian dan servis jentera.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

● Harga lantai naik kepada RM1,500 ● RM30j bantu pesawah miskin

# Harga padi naik, harga beras kekal

Oleh **ASLINDA NASIR**  
dan **NURUL IRDINA SUMALI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan menaikkan harga lantai belian padi kepada RM1,500 daripada RM1,300 satu tan metrik bermula Ahad ini.

Kenaikan itu bakal memberi manfaat

kepada pesawah yang kini berdepan kenaikan kos pengeluaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bagi memastikan penyelarasan harga lantai belian padi tidak menjejaskan rakyat, kerajaan memperuntukkan subsidi sekitar RM150 juta kepada pengilang padi, sekali gus memastikan harga jualan maksima beras

putih tempatan (BPT) kekal RM2.60 sekilogram.

Beliau juga menyatakan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) bersetuju menyalurkan peruntukan tambahan RM30 juta untuk menyokong usaha kerajaan membela nasib pesawah.

**Bersambung di muka 2**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

## Harga padi naik, harga beras kekal

Dari muka 1

“Saya juga ingin menyatakan penghargaan kepada Bernas yang telah bersama-sama dengan kerajaan dalam memastikan kebajikan pesawah terbelas. Sebelum ini, Bernas telah menyalurkan RM60 juta kepada pesawah-pesawah miskin.

“Susulan pengumuman hari ini (semalam), saya telah menghubungi Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary, dan Alhamdulillah beliau bersetuju menyalurkan peruntukan tambahan RM30 juta untuk menyokong usaha kerajaan membela nasib pesawah miskin.

“Insya-Allah, kerajaan akan menyalurkan peruntukan ini secara terus kepada pesawah-pesawah miskin dalam masa terdekat,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam sidang akhbar di Parlimen berkata, kenaikan harga padi mengambil kira kenaikan kos upah, kos input pertanian termasuk baja dan racun serta impak kepada kos pengeluaran serta harga beras di pasaran.

Beliau berkata, kerajaan turut mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyerap sebahagian kos pengeluaran sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan.

Katanya, ia bagi memastikan keberadaan bekalan BPT sekitar 24 juta kimpit 10 kilogram di pasaran.

“Berhubung perkara ini, Kementerian sedang memperincikan kaedah pelaksanaan dan ia akan diumumkan setelah perincian dimuktamadkan dalam masa terdekat,” katanya.

Beliau turut memaklumkan, kerajaan bersetuju meminda Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) bagi meningkatkan penguatkuasaan ke atas pengi-



**MOHAMAD Sabu dalam sidang media khas mengenai penyaluran harga padi dan beras di Parlimen, semalam. -JABATANPENERANGAN**

lang, pemborong dan peruncit, sekali gus membendung kegiatan menukar beras tempatan menjadi beras import.

Katanya, Akta 522 masih longgar dan tidak cukup untuk membendung kegiatan tersebut, antara lain tidak menyenaraikan kesalahan mencampur beras tempatan dengan beras import.

Sebaliknya, ia hanya menetapkan tujuh jenis kesalahan antaranya menyorok beras dengan tujuan mewujudkan kekurangan bekalan, menjual beras secara borong atau runcit tanpa lesen serta menjualnya melebihi harga kawalan.

Mohamad berkata, kementerianya juga sedang memuktamadkan perundingan bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Kewangan (MOF) untuk membolehkan penyedia perkhidmatan dalam industri padi dan beras juga layak menerima bantuan subsidi diesel di bawah Program Budi Madani.

Beliau turut memaklumkan, Perdana Menteri akan melancarkan Projek Infrastruktur Pengairan dan Saliran Pertanian di Kedah pada 27 Februari ini.

“Projek ini akan menyokong Program Penanaman Padi 5 Musim 2 Tahun yang menelan belanja sekitar RM1 bilion,” ujarnya.

Sementara itu, Ahli Jemaah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Sungai Manik di Pasir Salak, Masrup Sukir berkata, kenaikan itu berpatutan dan menunjukkan kerajaan mengambil berat suara pesawah.

“Kami memang mengharap-kan agar harga lantai belian padi dinaikkan. Bagi kami, ia kadar berpatutan walaupun penyaluran tidak mencecah RM1,800 seperti yang diminta,” katanya.

Masrup berkata, kenaikan harga membolehkan pesawah menikmati pendapatan lebih tinggi ketika kos mengusahakan sawah semakin meningkat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2025	KOSMO	MUKA DEPAN	1

## Harga lantai belian padi RM1,500 mulai 15 Februari

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan ber-setuju membuat penyelarasan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik berkuat kuasa 16 Februari 2025.


Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penyelarasan itu mengambil kira kos upah dan kos input pertanian termasuk baja dan racun.

Kata beliau, KPKM juga sedang

memuktamadkan perundingan untuk membolehkan penyedia perkhidmatan dalam industri padi dan beras turut layak menerima bantuan subsidi diesel di bawah Program Budi Madani.

» BERSAMBUNG DI MUKA 9

# Harga lantai belian padi RM1,500 mulai 15 Februari



## DARI MUKA 1

"Kerajaan Madani akan mengemukakan beras putih tempatan (BPT) pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyerap sebahagian kos pengeluaran sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan.

"Ini bagi memastikan keberadaan bekalan BPT sekitar 24 juta kampak bagi 10 kilogram di pasaran. KPKM sedang perincian kaedah pelaksanaan dan ia akan diumumkan setelah perincian dimuktamadkan," katanya pada sidang penerangan khas berkaitan isu beras dan harga lantai padi di Dewan Rakyat semalam.

Mohamad berkata, pada 27 Februari 2025, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan ke Kedah untuk melancarkan



**MOHAMAD**

Projek Infrastruktur Pengairan dan Saliran Pertanian yang akan menyokong Program Penanaman Padi 5 Musim 2 Tahun yang memerlukan belanja sekitar RM1 bilion.

Beliau berkata, Kerajaan Madani komited untuk menjadikan industri padi dan beras sebagai tunjang utama kepada ketahanan makanan negara.

Katanya, matlamat itu dapat direalisasikan demi kesejahteraan generasi kini dan masa hadapan dengan sokongan semua pihak.

Terdahulu, beliau berkata, industri padi dan beras sedang berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran seperti peningkatan kos pengeluaran, ancaman perubahan iklim, serangan serangga perosak dan penyakit.


Kata beliau, kekurangan bekalan BPT serta kelemahan infrastruktur pengairan akan memberi kesan negatif terhadap industri itu khususnya dari segi prestasi pengeluaran.

"Marilah sama-sama kita menyokong segala usaha bagi memastikan agenda keterjaminan makanan rakyat kekal menjadi keutamaan," katanya.

**KERAJAAN Madani komited menjadikan industri padi dan beras sebahagian daripada tunjang utama keterjaminan makanan negara.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2025	HARIAN METRO	LOKAL	21

# Harga lantai belian padi diselaras RM1,500 setan metrik



SEORANG petani melakukan pemotongan padi angin sebelum proses memuai menggunakan jentuai Kampung Lubuk Kawah, di Jitra. - Gambar NSTP/WAN NABIL NASIR

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bersetuju menyelaraskan harga lantai belian padi daripada RM1,300 bagi setiap metrik kepada RM1,500 berkuat kuasa 16 Februari ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perkara itu mengambil kira kenaikan kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan sebagainya.

"Ia juga mengambil kira impak kepada kos penge-

luaran beras dan seterusnya memberi kesan harga beras di pasaran.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada masa ini memuktamadkan perundingan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Kewangan bagi membolehkan penyelia perkhidmatan dalam industri padi dan beras juga layak menerima subsidi diesel di bawah program Budi Madani," ka-

tanya ketika sesi penerangan berkenaan situasi semasa industri beras negara di Dewan Rakyat semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kerajaan juga akan mengekalkan beras putih tempatan (BPT) pada harga RM2.60 sekilogram.

**PAWANI MARI KEBAYAN ALIUS DIA TUNTAPAN**

## Naik harga lantai padi RM1.8k

**P**ada sesi penerangan mengenai situasi semasa industri beras negara di Dewan Rakyat semalam, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan juga akan mengekalkan beras putih tempatan (BPT) pada harga RM2.60 sekilogram.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kerajaan juga akan mengekalkan beras putih tempatan (BPT) pada harga RM2.60 sekilogram.

■ LAPORAN Harian Metro, 28 Januari lalu.

bahagian kos pengeluaran sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan. Enam bulan kedua nanti akan ada pengumuman lain.

"RM150 juta untuk tempoh enam bulan ini bagi memastikan keberadaan bekalan BPT sekitar 24 juta kampil, 10 kilogram di pasaran," katanya.

Mohamad berkata, susulan perkara ini juga, KPKM memperincikan kaedah pelaksanaan dan ia akan diumumkan selepas perincian dimuktamadkan dalam masa terdekat.

"Justeru, sekali saya tegaskan kerajaan komited untuk menjadikan industri padi dan beras sebagai tunjang utama kepada ketertahanan makanan negara," katanya.

Sebelum ini, dua isu dibangkitkan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) untuk dipertimbang kerajaan termasuk penyalaraan harga lantai padi daripada RM1,300 per tan kepada RM1,800.

# HARGA LANTAI PADI NAIK

■ Kerajaan bersetuju menaikkan harga lantai belian padi sebanyak RM200 daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik berkuat kuasa. Ahad ini, selepas mengambil kira kos upah dan input pertanian termasuk baja serta racun yang melibatkan kepentingan semua pihak iaitu pesawah, pengilang dan pengguna.

■ Seiring penyelarasan harga baharu itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu turut mengemukakan harga beras putih tempatan di pasaran juga kekal pada RM2.60 sekilogram, yang menyaksikan kerajaan perlu menanggung kos pengeluaran RM150 juta bagi tempoh enam bulan ini.



14/2/2025

SINAR  
HARIAN

NASIONAL

2

# Padi satu tan diselaras RM1,500, beras 10kg kekal RM26

Kerajaan selaras harga lantai belian padi bermula Ahad ini

KEALA LUMPUR

Kerajaan bersetuju menyelaraskan harga belian lantai padi sebanyak RM200 daripada RM1,500 setiap tan metrik berkuat kuasa Ahad ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu juga mengumumkan, kerajaan akan mengekalkan harga beras putih tempatan pada RM2.60 sekilogram (kg) atau RM26 sekampit 10kg, dengan menyerap sebahagian kos pengeluaran sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan.

Menurutnya, penetapan harga berkenaan mengambil kira kenaikan kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain serta impak kenaikan kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada harga beras di pasaran.

"Sukacita saya juga ingin memaklumkan bahawa pihak KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) pada masa ini sedang memuktamadkan perundingan bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Kawangan (MOF) untuk membolehkan penyedia perkhidmatan dalam industri padi dan beras juga layak menerima bantuan subsidi diesel di bawah Program Budi Madani.

"Pengkeliran beras putih tempatan pada harga RM2.60 sekilogram dilaksanakan bagi memastikan keberadaan bekalan beras putih tempatan



Mohamad (tengah) ketika sidang akhbar khas mengenai penyalarsan harga padi dan beras di Dewan Rakyat pada Khamis.

sekitar 24 juta kampit 10kg di pasaran.

"KPKM sedang mempersiapkan kaedah pelaksanaan dan ia akan diumumkan setelah perincian dimuktamadkan dalam masa terdekat," katanya ketika menyampaikan penerangan khas berkaitan isu beras dan harga lantai padi di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau memahamkan, KPKM juga sedang meneliti keseluruhan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 untuk disesuaikan dengan proses reformasi yang dilaksanakan oleh Kementerian.

"Kerajaan pada 7 Februari 2025 telah pun bersetuju dengan cadangan KPKM untuk menubuhkan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) yang bertujuan untuk

## KENAIKAN HARGA LANTAI PADI PER TAN

- 2005: RM550
- 2007: RM650
- 2009: RM750
- 2014: RM1,200
- 2024: RM1,300
- 2025: RM1,500



ketika ini berada di paras RM2,800 per tan metrik.

"Ini bagi membolehkan pengguna memperoleh bekalan beras import pada harga yang lebih rendah, seterusnya dapat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat," katanya.

Sementara itu pada sidang akhbar di Parlimen, Mohamad berkata, pengumuman penyalarsan harga lantai belian padi itu dilakukan selepas mengambil kira kepentingan semua pihak melibatkan pesawah, pengilang dan pengguna.

"Kita tidak boleh naikkan terus hingga RM1,800 (yang diminta pesawah), macam mana pula dengan harga beras, sekarang pun kerajaan terpaksa campur tangan (tampung subsidi), sebab itu keputusan ini diambil ibtangi kepentingan semua.

"Bagaimanapun, ini untuk tempoh enam bulan dari sekarang, ada proses lagi untuk kita lihat bagi enam bulan yang seterusnya. Kita terbuka terma pandangan dan sedia bertemu mana-mana pihak berkaitan perkara ini," katanya.

Kanisme baharu perolehan input pertanian (baja) dan mekanisme baharu program Insentif Benih Padi Sah (IBPS)," katanya.

Menyentuh mengenai kebajikan 230,119 pesawah yang menjadi tulang belakang kepada pengeluaran padi negara, Mohamad berkata, kerajaan sentiasa prihatin dengan golongan itu yang berdepan pelbagai cabaran seperti peningkatan kos pengeluaran, ancaman perubahan iklim, serangan serangga perosak, penyakit, kekurangan bekalan beras putih tempatan serta kelemahan infrastruktur pengairan.

Mohamad turut memaklumkan Kementerian kini sedang berunding dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) untuk menyemak penyalarsan harga beras putih import baharu yang

mempertukuh aspek kawal selia dan penguatkuasaan ekosistem dalam industri padi dan beras," katanya.

**Subsidi terbesar di ASEAN**

Jelas beliau, secara umum, bantuan subsidi input yang diberikan kepada pesawah di negara ini adalah yang terbesar berbanding negara ASEAN lain. Katanya, untuk menjamin ketertarikan dan kecukupan makanan rui negara, hala tuju pembangunan industri padi dengan pendekatan yang lebih strategik sedang dirangka.

"Ini termasuk peningkatan kecekapan infrastruktur sistem pengairan dan saliran serta kemudahan ladang dan pengurusan subsidi dan insentif terbesar iaitu melalui cadangan me-






# Retail price of local white rice unchanged, farmers to be paid more

THE government is spending RM150 million to ensure people can continue to buy local white rice at RM2.60 per kg. The agriculture and food security minister also says the floor price of padi will be revised to RM1,500 per tonne from RM1,300.

REPORTS ON PAGE 6



REFORMS

# LOCAL WHITE RICE KEPT AT RM2.60 PER KG

### Floor price of padi revised to RM1,500 from RM1,300, says Mohamed

By Nur Hafizah KUALA LUMPUR

THE government will maintain the price of local white rice at RM2.60 per kilogram, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Anwar said today. He said the government's objective is to ensure the availability of 24 million sacks of local white rice in the market. "Our reforms will take one year, and there will be another an-

ouncement in the second half of the year," he told the Dewan Rakyat. He added that the ministry is working on the details of the plan, and it will provide details once the plan is confirmed. In addition, the floor price of padi will be revised to RM1,500 per tonne, effective Feb 16.

Mohamad said that the price adjustment took into account the rising costs of labour and agricultural inputs, such as fertilisers and pesticides. He said that the ministry was in negotiations with the Domestic Trade and Costs of Living Ministry and the Finance Ministry to expand the eligibility for diesel subsidies in the padi and rice industries. He reaffirmed the ministry's commitment to increasing padi production in the nation, with ef-

orts focused on improving farmers' yields and earnings each season.

"This programme has increased the average price of padi from 10.45 tonnes per hectare in some areas."

